

30 JUN 2001

Mahathir-Mahasiswa

MAHASISWA HARUS PUNYA IDEALISME PERJUANGAN NEGARA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mahasiswa harus menjadi golongan yang mempunyai idealisme yang selari dengan perjuangan negara bagi membentuk satu tujuan bersama.

Beliau berkata, mahasiswa yang mempunyai idealisme yang jelas dan mantap akan bercambah kemudiannya sebagai anggota masyarakat yang jelas hala tujunya bagi membentuk sebuah negara yang menjadi idaman semua rakyat di negara ini.

"Mahasiswa tidak boleh lari daripada perjuangan negara, yang membela agama dan bangsa," katanya dalam buku cenderamata Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa Di Alaf Baru di Universiti Malaya di sini.

Perdana Menteri berkata, peranan mahasiswa dalam menentu dan menerajui arah pembangunan negara sudah terbukti dan diakui sejak dahulu lagi.

"Golongan mahasiswa sebagai satu kelompok anggota masyarakat, yang dihormati, dan dianggap sebagai "manusia bijak" dan terpilih daripada jutaan keseluruhan rakyat Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata, detik rasa dan cetusan tindakan golongan mahasiswa kerap menjadi ikutan dan ransangan kepada anggota masyarakat.

Masyarakat kampung katanya, sering memuji anak-anak mereka yang belajar di pusat-pusat pengajian tinggi dan apa sahaja tindakan dan suara mereka kerap menjadi "yang benar" bagi sekelompok anggota masyarakat.

"Begitulah besar dan tingginya penghargaan yang diletakkan kepada golongan mahasiswa," katanya.

Dr Mahathir berkata, majlis Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa Di Alaf Baru yang dianjurkan oleh Yayasan Penggerak Wawasan adalah sesuatu yang menepati citarasa kedua-dua pihak, iaitu golongan mahasiswa sendiri dan kerajaan amnya.

Beliau berharap, simposium itu akan berjaya menghasilkan satu rangka tindakan bagi memandu arah hala tuju mahasiswa di alaf baru ini.

-- BERNAMA

AKT AFY RI